

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN
(KINABATANGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.11.2015

Y.B. DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah rizab negara yang terkini dan apakah kedudukan kewangan semasa negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 15 Oktober 2015, kedudukan rizab antarabangsa Malaysia kekal kukuh pada RM418 bilion atau USD94.1 bilion, memadai untuk menampung 8.8 bulan import tertangguh dan 1.2

kali lebih tinggi daripada hutang luar negeri jangka pendek. Ini adalah berikutan sentimen pelabur yang bertambah baik. Paras rizab ini merupakan 7.1 kali lebih tinggi berbanding jumlah rizab yang dicatat semasa krisis kewangan Asia pada tahun 1997 iaitu sebanyak RM59.1 bilion. Turun naik dalam paras rizab antarabangsa merupakan perkara biasa dalam mana-mana rejim kadar pertukaran apungan terurus dan adalah amat sukar untuk mengunjur kedudukan rizab antarabangsa memandangkan ia didorong oleh faktor-faktor global yang di luar kawalan dasar domestik.

2. Berkaitan dengan jumlah hutang negara, sehingga Jun 2015 jumlah hutang atau merujuk kepada hutang luar Malaysia adalah berjumlah RM794.3 bilion atau 68.4% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah tersebut, hutang luar pesisir Kerajaan Persekutuan berjumlah RM18.8 bilion atau 2.4%, manakala hutang sektor swasta berjumlah RM300.4 bilion (37.8%) dan pemegang bukan pemastautin pula menyumbang RM304.9 bilion (38.4%). Sebagai peratusan daripada KDNK pula, hutang luar pesisir Kerajaan Persekutuan hanya 1.6%.

3. Paras hutang luar Malaysia adalah terkawal. Ini adalah disebabkan oleh sebahagian besar daripada hutang luar Malaysia ini adalah pinjaman oleh sektor swasta dan Syarikat Awam Bukan Kerajaan (SABK) untuk dilaburkan di dalam sektor yang produktif secara cekap dan efisien. Pelaburan ini berupaya memberi pulangan yang tinggi dan meningkatkan kemampuan bayaran balik pinjaman.

4. Berkenaan kedudukan kewangan semasa negara pula, pada tahun 2015 kutipan hasil Kerajaan Persekutuan dianggarkan berjumlah RM222.5 bilion atau 19.2% daripada KDNK (2014: RM220.6 bilion, 19.9% daripada KDNK). Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2015 pula dianggarkan sebanyak RM260.7 bilion atau 22.5% daripada KDNK dengan perbelanjaan mengurus berjumlah RM213.3 bilion dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM47.4 bilion. Oleh itu, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2015 dianggarkan mencatat defisit keseluruhan berjumlah RM37.2 bilion atau 3.2% daripada KDNK.